

DATE: 19/09/2007

# Pendaftaran sekolah agama tingkat imej Islam – Abdullah

Oleh NIZAM YATIM

**KUALA LUMPUR** 18 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat tidak perlu risau dengan langkah kerajaan mendaftarkan sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) kerana ia akan membantu memartabatkan imej pengajian Islam.

Perdana Menteri berkata, langkah menerapkan dua jenis sekolah itu ke dalam pendidikan nasional akan memberi peluang kepada pelajar agama untuk mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan sehingga menjadi individu yang berfikiran terbuka, berjiwa besar dan tinggi sahsiah.

“Kita tidak mahu pelajar sekolah agama masuk dalam golongan mereka yang berakal sempit yang tidak relevan dengan zaman sekarang dan berfikiran jumud yang tidak dapat menerima ilmu-ilmu lain,” katanya.

Beliau berucap merasmikan Multaqa Guru-Guru SABK Peringkat Kebangsaan 2007 di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Pada program itu, Abdullah turut me-

nyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman pendaftaran 15 SAR dan SAN di Negeri Sembilan sebagai SABK.

Menurut beliau, pendaftaran yang dibuat secara sukarela sejak Januari 2005 adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengubah imej SAR dan SAN supaya menjadi lebih baik dengan sumber kewangan mencukupi di samping memiliki guru terlatih.

“Saya yakin, latihan kepada guru yang diserap daripada SAR dan SAN boleh dilakukan dengan lebih berkesan seperti guru sekolah kebangsaan yang kini 80 peratus telah diberi latihan.

“Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan akan memastikan keadaan SAR sebelum ini yang bergerak sekadar mengikut kemampuan dengan mengharapkan bantuan zakat dan fitrah tidak lagi berterusan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, langkah mendaftarkan SAR dan SAN juga akan membolehkan sekolah aliran agama mencapai prestasi cemerlang dan memberi peluang kepada pelajarnya merealisasikan potensi diri sehingga ke peringkat universiti.

“Di peringkat universiti juga ada mata pelajaran yang berkaitan dengan agama yang boleh diambil sebagai pilihan atau secara khusus dan ia terbuka untuk dipelajari oleh semua orang termasuk bukan Islam,” jelasnya.

um - 19/9/2007



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama-sama jemaah yang lain menyempurnakan solat tarawih selepas majlis Perdana Menteri Bertemu Ulama di PWTC, semalam.

– Gambar IZHAM JAAFAR